

19 DEC 1996

LAWATAN HASHIMOTO UNTUK TINGKATKAN HUBUNGAN M'SIA-JEPUN

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Pemandahan teknologi Jepun yang lebih cepat dan perluasan hubungan menjangkau ekonomi adalah antara persoalan pokok yang dijangka dibincangkan semasa lawatan rasmi perdana menteri Jepun Ryutaro Hashimoto ke Malaysia bulan depan, demikian menurut sumber-sumber diplomatik.

Mereka berkata walaupun syarikat-syarikat Jepun dengan tenteram memindahkan teknologi ke Malaysia, kerajaan Malaysia merasai bahawa tahapnya perlu dipercepatkan, terutama sekali negara ini sedang memasuki industri berteknologi tinggi.

"Banyak perbadanan Jepun telah mempertingkatkan pengeluaran tempatan mereka di sini, dan sesetengahnya telah menubuhkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan, tetapi lebih banyak boleh dilakukan," kata satu sumber.

Hashimoto, yang menggantikan Tomiichi Murayama sebagai perdana menteri dalam Januari tahun ini, dijadual melawat Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada lawatan lima harinya ke Asean. Tarikh lawatannya belum ditetapkan tetapi ia dijangka pada minggu kedua bulan depan.

Sumber-sumber itu berkata Jepun berminat untuk meningkatkan hubungan dua hala menjangkau agenda ekonomi untuk memasukkan pertukaran kebudayaan dan pendidikan serta dialog membabitkan beberapa perkara kepentingan bersama.

Hubungan Malaysia-Jepun telah diperkukuhkan oleh dasar "Pandang Ke Timur" perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perangkaan yang diperolehi Bernama menunjukkan bahawa sejak dasar itu dilancarkan dalam tahun 1981, sebanyak 2,065 pelajar dan 2,417 pelatih dalam bidang industri telah dihantar ke Jepun.

Jepun ialah rakan dagangan terbesar Malaysia dengan import oleh Jepun berjumlah RM23.6 bilion berbanding dengan eksport ke Malaysia bernilai RM53.1 bilion tahun lepas.

Bagaimanapun, defisit dagangan Malaysia dengan Jepun sedang dirapatkan dengan jurang bagi sembilan bulan pertama tahun ini mengecil sebanyak 75 peratus.

Mengenai pelaburan langsung Jepun di Malaysia, sejumlah AS\$578.1 juta (RM1,445.25 juta) telah dilabur tahun lepas, dan 1,346 syarikat Jepun (722 pembuatan dan 624 bukan pembuatan) sedang beroperasi di Malaysia sehingga hujung bulan Jun, 1996. -- BERNAMA

AD SIA